

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. **“Jom! Menang RM100 dengan MyDebit” (“Peraduan”)** dianjurkan oleh Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat: 200001018812 (521419-K)) (**“Penganjur”**) dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) (**“Penaja Hadiah”**).
2. Peraduan ini terbuka kepada semua pemegang kad Mesin Juruwang Automatik (**“ATM”**) MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia. Pemegang kad ATM MyDebit tersebut mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan (**“Peserta”**).
3. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan yang aktif, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, sepanjang Tempoh Peraduan sehingga selesai penebusan hadiah.
4. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah (termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya) serta ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri); dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau agensi promosi Peraduan bagi Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya), dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri).

Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan

1. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Ogos 2024 sehingga 6 Oktober 2024 jam 11:59 malam** (Waktu Malaysia) (**“Tempoh Peraduan”**). Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
2. Pembelian minima bernilai RM150 ke atas (di dalam satu resit/transaksi) di semua cawangan Lotus's dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai cara pembayaran, dibuat mengikut Tempoh Peraduan yang ditetapkan (dengan slip transaksi yang dicetak dengan jelas) akan layak untuk diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini (**“Bukti Pembelian”**).
3. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembayaran RM150 dan ke atas menggunakan transaksi kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peraduan akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.
4. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan adalah tidak sah dan akan dibatalkan.
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Peraduan / Tempoh Peraduan tanpa sebarang notis.
6. Peserta yang terpilih sebagai pemenang (**“Pemenang”**) adalah diwajibkan untuk mengemukakan Bukti Pembelian sebelum penebusan/penyerahan hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan pembatalan kemenangan hadiah yang dimenangi oleh Peserta tersebut.

7. Mekanisme Peraduan

Peserta perlu menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi **WhatsApp** ATAU melalui aplikasi **Whoop app** (di muat turun melalui Play Store untuk Android / App Store untuk iOS).

- **Cara Penyertaan (1): Melalui aplikasi WhatsApp**

- **Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah** mengandungi maklumat yang berikut:

- I. Gambar Bukti Pembelian (penuh dan jelas) (SIMPAN: **BUKTI PEMBELIAN (asal)**);

- II. Jawab soalan Peraduan dan berikan maklumat yang diperlukan.

- Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **016 703 6588**

- Peserta akan mendapat balasan mesej (notis privasi, soalan peraduan, maklumat peserta).

- Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.

- Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM150 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).

- **Cara Penyertaan (2): Melalui aplikasi Whoop app (di muat turun melalui Play Store untuk Android /App Store untuk iOS)**

- Daftar di Whoop app (pendaftaran untuk kali pertama sahaja)

- Klik pada sepanduk Lotus's "**Jom! Menang RM100 dengan MyDebit**". Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- I. Gambar Bukti Pembelian (penuh dan jelas) (SIMPAN: **BUKTI PEMBELIAN (asal)**);

- II. Jawab soalan Peraduan dan berikan maklumat yang diperlukan.

- Dengan menghantar penyertaan melalui Whoop! app, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.

- Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM150 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).

8. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan (kad pengenalan Malaysia) dan Bukti Pembelian semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.

9. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut:

- Nombor siri yang diperuntukkan kepada penyertaan layak setiap hari akan dikira untuk mendapatkan jumlah nombor siri yang kemudiannya akan dibahagikan dengan enam puluh tujuh (67) untuk memperoleh nombor siri kemenangan harian. Sekiranya nombor dengan nilai perpuluhan, nombor bersiri tersebut akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat yang terhasil selepas pembahagian ini.

- Contohnya: Jika nombor bersiri penyertaan layak harian berjumlah sehingga 600, nombor bersiri ini akan dibahagikan dengan 67 yang bersamaan dengan 8.96 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 8. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 8. Enam puluh tujuh (67) Peserta harian dengan gandaan 8 iaitu 8, 16, 24, 32, 40, 48, 56, 64 dan seterusnya akan dipilih sebagai pemenang hadiah harian.

- Sekiranya Pemenang berulang, nombor siri sebelum nombor pengganda ini akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Harian tersebut. Sebagai contoh, jika kedudukan 24 (nombor siri) adalah pemenang ulangan, oleh itu nombor siri 23 akan diisytiharkan sebagai pemenang.
10. Pemenang hanya layak memenangi sehingga SATU (1) hadiah harian setiap minggu peraduan (jumlah 9 minggu) sepanjang Tempoh Peraduan.
- Tempoh Peraduan Mingguan
 - Minggu 1: 01 Ogos – 11 Ogos 2024
 - Minggu 2: 12 Ogos – 18 Ogos 2024
 - Minggu 3: 19 Ogos – 25 Ogos 2024
 - Minggu 4: 26 Ogos – 01 Sep 2024
 - Minggu 5: 02 Sep – 08 Sep 2024
 - Minggu 6: 09 Sep – 15 Sep 2024
 - Minggu 7: 16 Sep – 22 Sep 2024
 - Minggu 8: 23 Sep – 29 Sep 2024
 - Minggu 9: 30 Sep – 06 Okt 2024
11. Selepas tamat Tempoh Peraduan, sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut (semasa waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat), Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang dan hendaklah memilih Peserta yang layak seterusnya sebagai Pemenang mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

Hadiah & Penebusan

- **Hadiah – Pemenang hadiah harian akan memenangi eBaucar Lotus's bernilai RM100 (jumlah keseluruhan 67 pemenang harian x 67 hari):**
 - Nota: Tarikh luput untuk eBaucar Lotus's ialah **20 Oktober 2024**. Sila gunakan baucar sebelum tarikh luput.
 - Sejumlah empat ribu empat ratus lapan puluh sembilan (4489) hadiah untuk dimenangi.
 - Tuntutan eBaucar Lotus's bernilai RM100 akan diberi dalam tempoh 2 hari bekerja selepas pengesahan (keabsahan) Bukti Pembelian.
 - Segala imej gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar.
1. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
2. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penebusan.
3. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan Hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.

4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan Hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
5. Penyempurnaan Hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan Hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
6. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
7. Pihak Penganjur akan menghubungi Pemenang melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/ Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
2. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukarkan kepada wang tunai. Penganjur berhak menggantikan hadiah peraduan dengan hadiah lain yang sama nilainya mengikut budi bicara mutlaknyanya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, agensi, sekutu dan penajanya serta wakil mereka tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, atau kepada sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan Peraduan ini.
3. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini.
4. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan / atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya.

6. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang <https://bit.ly/3Y3LbRN> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
7. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di <https://bit.ly/3Y3LbRN> akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
8. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
10. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuiaan atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.

4. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
3. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
4. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di <https://bit.ly/3Y3LbRN> atau menghubungi talian pelanggan Penganjur di +603 7886 5886 dari Isnin – Jumaat, 9pg – 5ptg.
5. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
6. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]